

13/02/1998

Nahas di jalan raya tidak mengira hari

Abu Mubasshir

SEBELUM dan selepas hari raya, berita mengenai kemalangan ngeri membabitkan kenderaan berat dan ringan menjadi-jadi dan ramai yang terkorban.

Kemalangan membabitkan sama ada kereta, van, bas, lori dan motosikal. Turut menjadi korban ialah pejalan kaki.

Semua kenderaan itu adalah alat pengangkutan utama rakyat negara ini yang digunakan untuk perjalanan jauh dan dekat.

Akhir-akhir ini statistik kemalangan jalan raya mencecah angka membimbangkan, lebih hebat daripada kes penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan penyakit bahaya lain.

Hal ini memeningkan semua pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sungguh mencemaskan jika berkenderaan di jalan raya berebut-rebut memotong. Degupan jantung kita bergerak sama laju dengan pacuan kenderaan. Bukan tidak ada undang-undang dan peraturan, bahkan kempen keselamatan sering dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memberi kesedaran kepada orang ramai.

Malangnya kemalangan tetap berlaku tanpa mengira belas kasihan kepada si tua atau si kecil yang menjadi mangsa. Ratapan dan tangisan berlaku tanpa mengira hari, malah ketika kita merayakan Aidilfitri.

Meskipun segala ikhtiar sudah dilaksanakan oleh pihak berwajib, kemalangan tetap berlaku.

Ketika di jalan raya, nyawa setiap penggunanya adalah terancam. Ini kerana kita sentiasa berulang-alik di atas jalan raya. Bila-bila masa saja kemalangan boleh berlaku.

Oleh kerana takdir baik dan buruk datang daripada Allah, segala sesuatu adalah atas kehendak dan iradat Allah tanpa satu pun cicir daripada garisan dan landasan Sunnatullah.

Kepada masyarakat Islam marilah kita kembali ke pangkuan Islam, mengamalkan ajaran Islam, bukan sekadar mengucap dua kalimah syahadat ataupun sekadar 'lips service' semata-mata.

Allah memberi peringatan 'jangan kamu mati melainkan keadaan kamu menyerah diri' (Islam) - al-Quran. Dan ayat ini sering dibacakan oleh khatib di atas mimbar.

Apabila kita kembali ke pangkal jalan Insya Allah kita akan selamat dunia dan akhirat. Bukankah Islam itu bermakna selamat, damai, salam dan sebagainya.

Dalam hal keselamatan jalan raya ini Islam tidak dapat dipisahkan kerana dibimbangi seperti mana kata orang 'mati katak!'